



رئاسة الشؤون الدينية
بالمسجد الحرام والمسجد النبوي

Pelajaran Terpenting Buat Setiap Muslim

bahasa Melayu

ملايو

الدروس المهمة لعامة الأمة



Karangan

**Samāḥat al-Shaykh Abdul ‘Azīz bin Abdullah bin Bāz
semoga Allah merahmatinya**

ح) جمعية خدمة المحتوى الإسلامي باللغات ، ١٤٤٦ هـ

بن باز ، عبدالعزيز
الدروس المهمة لعامة الأمة - ملبورن . / عبدالعزيز بن باز - ط ١ . -
الرياض ، ١٤٤٦ هـ
٣٥ ص ؛ ..سم

رقم الإيداع: ١٤٤٦/١١٦٧١
ردمك: ٩٧٨-٦٠٣-٨٤٧٤-٩٨-٣

الدروس المهمة لعامة الأمة

Pelajaran Terpenting Buat Setiap Muslim

Karangan

**Samāḥat al-Shaykh Abdul ‘Azīz bin Abdullah bin Bāz
semoga Allah merahmatinya**

Pengantar

Dengan nama Allah, Maha Pengasih, Maha Mengasihani

Segala puji bagi Allah, Tuhan sekalian alam. Kejayaan milik orang-orang yang bertakwa. Selawat dan salam semoga tercurah kepada hamba dan Rasul-Nya, Nabi kita Muhammad, serta kaum kerabat dan seluruh sahabat baginda.

Ammā ba'd:

Ini adalah beberapa titipan ringkas yang menerangkan sebahagian kewajipan yang perlu diketahui oleh orang awam mengenai agama Islam. Saya menamakannya: (Pelajaran Terpenting Buat Setiap Muslim).

Saya memohon kepada Allah agar menjadikannya bermanfaat buat kaum Muslimin, dan menerima penulisan ini sebagai amalan baikku. Sesungguhnya Dia Maha Pemurah lagi Maha Mulia.

Abdul 'Azīz bin Abdullah bin Bāz

Pelajaran Terpenting Buat Setiap Muslim¹

¹ Disiarkan dalam Himpunan Fatwa dan Artikel Pelbagai, j. 3, h. 288-298.

Pelajaran Pertama: Surah al-Fātiḥah dan Surah-Surah Pendek

Guru mengajarkan Surah al-Fātiḥah dan surah-surah pendek, bermula dari Surah al-Zalzalah hingga Surah al-Nās. Meliputi kaedah membaca, pembetulan bacaan, hafalan serta penerangan mengenai perkara-perkara yang wajib difahami daripada surah-surah ini.

Pelajaran Kedua: Rukun Islam

Guru menjelaskan berkenaan lima rukun Islam.

Rukun pertama dan teragung adalah: Syahadah (persaksian) bahawa:

أَلَّا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ

- tiada yang berhak disembah selain Allah,

أَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ

- dan Muhammad adalah Rasul Allah.

Penerangan makna dan syarat-syarat Syahadah:

Ucapan “Tiada yang berhak disembah” menafikan hak semua sembahsan selain Allah, dan “selain Allah”, menetapkan hak penyembahan hanya untuk Allah sahaja, tiada sekutu bagi-Nya. Syarat-syarat Syahadah Pertama

(لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ)

adalah:

Ilmu yang menafikan kejahilan,

Keyakinan yang menafikan keraguan,

Keikhlasan yang menafikan syirik,

Kejujuran yang menafikan kebohongan,

Kecintaan yang menafikan kebencian,
Ketundukan yang menafikan syirik,
Kepatuhan yang menafikan bangkangan,
Kufur terhadap segala sembah selain Allah. Syarat-syarat ini diringkaskan dalam dua rangkap berikut:

Ilmu, keyakinan, keikhlasan, dan kejujuran,
disertai cinta, ketundukan, dan penerimaan;

Ditambah pula syarat kelapan:

Kamu kufur terhadap selain Allah dari sembah.

Kemudian guru menjelaskan pula syahadah kedua bermaksud mengakui Muhammad adalah utusan Allah.

Tuntutan syahadah ini adalah:

- mempercayai setiap yang baginda sampaikan,
- mentaati setiap perintah baginda,
- menjauhi setiap larangan baginda,
- dan beribadah kepada Allah hanya dengan cara yang diajarkan baginda. Seterusnya, pelajar akan diajar rukun-rukun Islam yang lain, iaitu:

- Solat,
- Zakat,
- Puasa Ramadan,
- Haji bagi yang berkemampuan.

Pelajaran Ketiga: Rukun Iman

Terdapat enam rukun iman, iaitu:

Beriman dengan Allah,

Beriman dengan Malaikat-Nya,

Beriman dengan Kitab-kitab-Nya,

Beriman dengan Rasul-rasul-Nya,

Beriman dengan Hari Akhirat,

Beriman dengan takdir, bahawa yang baik dan yang buruk adalah dari Allah SWT.

Pelajaran Keempat: Bahagian Tawhīd dan Jenis Syirik

Guru menjelaskan berkenaan aspek-aspek Tawhīd, terbahagi kepada tiga:

Tawhīd Rubūbiyyah

Tawhīd Ulūhiyyah

Tawhīd al-Asmā' wa al-Ṣifāt

1. Tawhīd Rubūbiyyah

Tawhīd Rubūbiyyah bererti seseorang beriman bahawa Allah SWT adalah satu-satunya yang menciptakan dan mentadbir urus seluruh alam ini, tanpa sebarang sekutu.

2. Tawhīd Ulūhiyyah:

Tawhīd Ulūhiyyah bererti seseorang beriman bahawa Allah SWT adalah satu-satunya sembah yang berhak untuk disembah. Tawhīd ini manifestasi Syahadah Pertama, “Tiada yang berhak disembah selain Allah.”

Justeru, semua ibadah seperti solat, puasa dan selainnya, mesti ditujukan kepada Allah dan tidak boleh ditujukan kepada selain-Nya.

3. Tawhīd al-Asmā' wa al-Ṣifāt

Tawhīd al-Asmā' wa al-Ṣifāt bererti seseorang itu beriman dengan setiap nama dan sifat Allah yang disebutkan dalam al-Quran dan al-Sunnah yang sahih, menyabtkannya kepada Allah dengan selayak keagungan-Nya, tanpa menyelewengkan maksud sifat tersebut, atau menafikan maknanya, atau menentukan bagaimana, atau mengumpamakannya dengan sifat makhluk. Ini bersesuaian dengan firman Allah:

﴿قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ ۝ اللَّهُ الصَّمَدُ ۝ لَمْ يَلِدْ وَلَمْ يُولَدْ ۝ وَ لَمْ يَكُنْ لَهُ كُفُوًا أَحَدٌ ۝﴾ [الإخلاص: ١-٤]

"Katakanlah (wahai Nabi): Dia Allah yang Maha Esa.

Allah tempat bergantung segala sesuatu.

Dia tidak beranak, tidak pula diperanakkan.

Dan tiada sesuatu yang setara dengan-Nya.”¹ [Al-Samad bermaksud Maha Sempurna] dan firman Allah,

﴿لَيْسَ كَمِثْلِهِ شَيْءٌ وَهُوَ السَّمِيعُ الْبَصِيرُ﴾ [الشورى: ١٧]

”Tiada sesuatu pun yang serupa dengan-Nya, dan Dia Maha Mendengar, Maha Melihat.”² [Surah al-Shūrā: 11] Sebahagian ulama mengelaskan Tawhīd al-Asmā wa al-Ṣifāt dalam Tawhīd Rububiyah. Perbezaan ini tidak menjadi masalah kerana tujuan asal pembahagian ini tetap tercapai.

Syirik pula terbahagi kepada tiga:

Syirik Akbar (besar)

Syirik Aṣghar (kecil)

Syirik Khafī (tersembunyi)

Syirik ini membatalkan semua amal dan menyebabkan pelakunya kekal di neraka jika mati dalam keadaan tersebut. Allah SWT berfirman:

﴿وَلَوْ أَشْرَكُوا لَحَبِطَ عَنْهُمْ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ﴾ [الأنعام: ٨٨]

“Sekiranya para nabi tersebut melakukan syirik, nescaya akan terhapuslah setiap amalan baik yang mereka lakukan.”³

[Surah al-An‘ām: 88] Allah SWT juga berfirman:

﴿مَا كَانَ لِلْمُشْرِكِينَ أَنْ يَعْمُرُوا مَسْجِدَ اللَّهِ شَاهِدِينَ عَلَىٰ أَنْفُسِهِم بِالْكَفْرِ أُولَٰئِكَ حَبِطَتْ أَعْمَالُهُمْ وَفِي النَّارِ هُمْ خَالِدُونَ﴾ [التوبة: ١٧]

¹ Surah al-Ikhlās: 1-4

² Surah al-Shūrā: 11

³ Surah al-An‘ām: 88

*“Kaum Musyrikin tidak layak untuk mengimarahkan masjid-masjid Allah, padahal mereka mengakui bahawa mereka adalah kafir. Mereka itu sia-sia amalan mereka, di dalam neraka mereka kekal.”*¹ [Surah al-Tawbah: 17] Sesiapa yang mati dalam syirik ini, Allah tidak akan mengampuninya, dan syurga diharamkan bagi mereka, sebagaimana Allah firmankan:

﴿إِنَّ اللَّهَ لَا يَغْفِرُ أَنْ يُشْرَكَ بِهِ وَيَغْفِرُ مَا دُونَ ذَلِكَ لِمَنْ يَشَاءُ﴾ [النساء: ٤٨]

*“Sungguh, Allah tidak mengampunkan dosa syirik; dan Dia mengampuni dosa selain syirik bagi sesiapa yang Dia kehendaki.”*² [Surah al-Nisā’: 48]

Allah SWT berfirman:

﴿إِنَّهُ مَنْ يُشْرِكْ بِاللَّهِ فَقَدْ حَرَّمَ اللَّهُ عَلَيْهِ الْجَنَّةَ وَمَأْوَهُ النَّارُ وَمَا لِلظَّالِمِينَ مِنْ أَنْصَارٍ﴾ [المائدة: ٧٢]

*“Sesiapa yang menyekutukan Allah, maka Allah telah mengharamkan syurga ke atasnya, dan kesudahannya adalah di neraka; tiada sebarang pembela buat orang-orang yang zalim.”*³ [Surah al-Mā’idah: 72]

Antara bentuk syirik besar: Berdoa dan memohon bantuan kepada orang yang sudah mati dan kepada berhala, bernazar kepada mereka, menyembelih kepada mereka dan seumpamanya.

2. Syirik Aşghar (Kecil):

Syirik Aşghar adalah perbuatan yang dinamakan syirik dalam al-Quran dan al-Sunnah, tetapi ia tidak sama seperti Syirik Akbar.

Seperti riyak dalam sebahagian ibadah, bersumpah dengan nama selain Allah, mengungkapkan, “Jika itu yang Allah dan si anu kehendaki...” dan seumpama ini.

¹ Surah al-Tawbah: 17

² Surah al-Nisā’: 48

³ Surah al-Mā’idah: 72

Dalilnya adalah hadis Nabi SAW, “Perkara yang paling aku takuti kamu terjerumus ke dalamnya adalah syirik kecil.”¹ Apabila ditanya tentang syirik kecil tersebut, baginda menjawab, “Ia adalah riyak.”² [Riwayat Aḥmad, al-Ṭabarānī dan al-Bayhaqī, dengan sanad-sanad yang baik, daripada Maḥmūd bin Labīd, daripada Rāfi‘ bin Khadīj, daripada Nabi SAW]

Nabi ﷺ juga bersabda: “Sesiapa yang bersumpah dengan selain Allah, bererti dia telah melakukan syirik.”³ Riwayat Aḥmad, dengan sanad yang sahih daripada ‘Umar bin al-Khaṭṭāb r.a. Juga riwayat Abū Dāwud dan al-Tirmidhī, dengan sanad yang sahih daripada Ibn ‘Umar r.a., daripada Nabi SAW, baginda bersabda, “Sesiapa yang bersumpah dengan selain Allah, dia telah kufur atau melakukan syirik.”⁴ Nabi ﷺ juga bersabda: “Janganlah kalian sebut: ‘Jika Allah dan si anu kehendaki...’, tetapi ucaplah, ‘Jika Allah, kemudian si anu kehendaki...’.”⁵ Riwayat Abū Dāwud, dengan sanad yang sahih daripada Hudhayfah bin al-Yamān RA.

Syirik jenis ini tidak menyebabkan pelakunya murtad dan kekal di neraka. Akan tetapi, ia menunjukkan kecelaan pada kesempurnaan tawḥīd seseorang.

¹ Musnad Aḥmad, 5/428.

² Musnad Aḥmad, 5/428.

³ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, no. 6271, Ṣaḥīḥ Muslim, no. 1646, Jāmi‘ al-Tirmidhī, no. 1533, Sunan al-Nasā‘ī, no. 3764, Sunan Abū Dāwud, no. 3249, Sunan Ibn Mājah, no 2094, Musnad Aḥmad, 1/47, Muwaṭṭa’ Mālik, no. 1037, Musnad al-Dārimī, no. 2341.

⁴ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, no. 5757, Ṣaḥīḥ Muslim, no. 1646, Jāmi‘ al-Tirmidhī, no. 1533, Sunan al-Nasā‘ī, no. 3766, Sunan Abū Dāwud, no. 3251, Sunan Ibn Mājah, no 2094, Musnad Aḥmad, 2/69, Muwaṭṭa’ Mālik, no. 1037, Musnad al-Dārimī, no. 2341.

⁵ Sunan Abū Dāwud, no. 4980, Musnad Aḥmad, 5/399.

3. Syirik Khafī (Tersembunyi):

Dalil bagi kewujudan jenis syirik ini adalah sabda Nabi ﷺ: “Adakah kalian mahu tahu sesuatu yang saya paling takut menimpa kamu, lebih daripada bahaya Dajal?” Para sahabat mengiakan. Baginda bersabda, “Itulah syirik tersembunyi; apabila seseorang yang sedang solat memperelokkan solatnya kerana perasan ada mata-mata yang memerhatikannya.”¹ [Riwayat Aḥmad, daripada Abū Sa‘īd al-Khudrī RA]

Syirik juga boleh dibahagikan kepada dua jenis sahaja;

Syirik Akbar dan

Syirik Aṣghar,

dan Syirik Khafī boleh termasuk dalam jenis pertama atau kedua.

Justeru, syirik Khafī boleh tergolong dalam Syirik Akbar, seperti syirikunya golongan Munafik. Mereka menyembunyikan akidah-akidah kufur mereka, dalam masa yang sama menzahirkan diri seolah-olah mereka adalah Muslim, kerana kepentingan peribadi.

Syirik Khafī juga boleh termasuk dalam Syirik Aṣghar, seperti mana yang diriwayatkan dalam hadis Maḥmūd bin Labīd dan Abū Sa‘īd al-Khudrī yang sudah disebutkan sebelum ini.

Allah jualah yang membimbing kita.

Pelajaran Kelima: Iḥsān

Guru menjelaskan rukun Iḥsān, iaitu: “Menyembah Allah seperti melihat-Nya; jika tidak melihat-Nya, maka Dia melihatmu.”

¹ Sunan Ibn Mājah, no. 4204, Musnad Aḥmad, 3/30.

Pelajaran Keenam: Syarat-Syarat Sah Solat

Terdapat sembilan syarat solat:

Islam,

Berakal,

Mampu membezakan (mumayyiz),

Suci dari hadas,

Menghilangkan najis,

Menutup aurat,

Masuk waktu solat,

Menghadap kiblat,

Berniat

Pelajaran Ketujuh: Rukun-rukun Solat

Rukun solat ada empat belas:

Berdiri jika mampu,

Takbiratul ihram,

Membaca al-Fātiḥah,

Rukuk,

Iktidal (bangkit dari rukuk),

Sujud, di atas tujuh anggota,

Bangkit dari sujud,

Duduk antara dua sujud,

Tenang seketika pada setiap rukun,

Tertib (mengikut aturan) antara setiap ruku,

Tasyahud akhir,

Duduk untuk tasyahud akhir,

Selawat ke atas Nabi ﷺ,

Dua salam.

Pelajaran Kelapan: Amalan Wajib Dalam Solat

Terdapat lapan kewajipan dalam solat:

Semua takbir, selain takbiratul ihram,

Mengucapkan

حمده لمن الله سمع

(Sami'allāh li-man ḥamidah; Allah menerima orang yang memuji-Nya) bagi imam dan orang solat sendirian,

Mengucapkan

ربنا ولك الحمد

(Rabbanā walakal-Ḥamd; wahai Tuhan kami, buat-Mu segala pujian).

Mengucapkan

سبحان ربي العظيم

(Subḥāna Rabbiyal-ʿAzīm; Maha Suci-Mu, wahai Tuhanku yang Maha Agung) ketika rukuk,

Mengucapkan

الأعلى ربي سبحان

(Subḥāna Rabbiyal-Aʿlā; Maha Suci-Mu, Tuhanku yang Maha Tinggi) ketika sujud,

Mengucapkan

لي اغفر رب

(Rabbighfir-lī; Oh Tuhanku, ampunkan daku) antara dua sujud,

Membaca Tasyahud Awal,

Duduk untuk Tasyahud Awal.

Pelajaran Kesembilan: Tasyahud

Bacaan tasyahud adalah:

“At-taḥiyyātu lillāh, waṣ-ṣalawātu waṭ-ṭayyibāt, as-salāmu ‘alaika ayyuhan-nabiyyu wa raḥmatullāhi wa barakātuh, as-salāmu ‘alainā wa ‘alā ‘ibādillāhiṣ-ṣālihīn. Ashhadu allā ilāha illallāh, wa ashhadu anna Muḥammadan ‘abduhu wa rasūluh.”

"Segala penghormatan, solat, dan kebaikan adalah milik Allah. Salam sejahtera bagimu, wahai Nabi, serta rahmat Allah dan keberkatan-Nya. Salam sejahtera ke atas kami dan ke atas hamba-hamba Allah yang soleh. Aku bersaksi bahawa tiada Tuhan selain Allah, dan aku bersaksi bahawa Muhammad adalah hamba dan utusan-Nya."

Kemudian dalam Tasyahud Akhir, dibaca selawat ke atas Nabi SAW: “Allāhumma ṣalli ‘alā Muḥammad, wa ‘alā āli Muḥammad, kamā ṣallaita ‘alā Ibrāhīm wa ‘alā āli Ibrāhīm, innaka ḥamīdum-majīd. Wa bārik ‘alā Muḥammad wa ‘alā āli Muḥammad, kamā bārakta ‘alā Ibrāhīm wa ‘alā āli Ibrāhīm, innaka ḥamīdum-majīd.”

"Ya Allah, limpahkanlah selawat ke atas Nabi Muhammad dan keluarga Nabi Muhammad, sebagaimana Engkau telah melimpahkan selawat ke atas Nabi Ibrahim dan keluarga Nabi Ibrahim. Sesungguhnya Engkau Maha Terpuji lagi Maha Mulia. Dan berkatilah Nabi Muhammad dan keluarga Nabi Muhammad, sebagaimana Engkau telah memberkati Nabi Ibrahim dan keluarga Nabi Ibrahim. Sesungguhnya Engkau Maha Terpuji lagi Maha Mulia."

Selepas membaca tasyahud dan selawat ketika tahiyat akhir, seseorang digalakkan memohon perlindungan Allah daripada azab neraka, azab kubur, ujian ketika hidup dan selepas mati, serta fitnah Dajal. Kemudian dia digalakkan mengungkapkan sebarang doa, terutamanya doa-doa yang diriwayatkan daripada Nabi ﷺ seperti:

“Allāhumma a‘innī ‘alā dhikrika wa shukrika wa ḥusni ‘ibādatik.”

"Ya Allah, bantulah aku untuk mengingati-Mu, bersyukur kepada-Mu, dan beribadah dengan baik kepada-Mu."

“Allāhumma innī ḡalamtu nafsī ḡulman kathīran wa lā yaghfirudh-dhunūba illā anta, faghfir lī maghfiratan min ‘indika, warḥamnī innaka anta l-ghafūru r-raḥīm.”

"Ya Allah, sesungguhnya aku telah menzalimi diriku dengan kezaliman yang banyak, dan tiada yang dapat mengampuni dosa kecuali Engkau. Maka ampunilah aku dengan keampunan dari sisi-Mu, dan rahmatilah aku. Sesungguhnya Engkau Maha Pengampun lagi Maha Penyayang."

Ini semua ketika Tasyahud Akhir.

Untuk solat-solat selain Subuh yang terdapat Tasyahud Awal, selepas mengucapkan syahadah, dia dibenarkan untuk bangkit ke rakaat ketiga. Jika dia mahu menyebut selawat ke atas Nabi dahulu, itu lebih baik berdasarkan keumuman hadis, selepas itu barulah dia bangkit.

Pelajaran Kesepuluh: Amalan Sunat Dalam Solat

Terdapat banyak amalan sunat dalam solat, antaranya:

1. Membaca doa istiftāḥ.
2. Meletakkan tapak tangan kanan di atas tapak tangan kiri di atas dada ketika berdiri, sama ada sebelum rukuk mahupun selepasnya.
3. Mengangkat tangan dengan jari-jari rapat dan diluruskan setentang dengan bahu atau telinga semasa takbir pertama (takbirat al-ihram), semasa rukuk, bangun dari rukuk, dan ketika bangun dari Tasyahud Awal ke rakaat ketiga.
4. Membaca tasbih sujud dan rukuk lebih daripada sekali.
5. Membaca sambungan 'Rabbanā walakal-Ḥamd' ketika iktidal, dan 'Rabbighfir-lī' lebih daripada sekali ketika duduk antara dua sujud.
6. Meratakan kepala dan punggung ketika rukuk.
7. Merenggangkan lengan daripada lambung badan, perut daripada paha, paha daripada betis – semasa sujud.
8. Mengangkat lengan dari lantai semasa sujud.
9. Duduk di atas kaki kiri dan menegakkan kaki kanan dalam Tasyahud Awal dan duduk antara dua sujud.
10. Duduk tawarruk ketika Tasyahud Akhir. Iaitu dengan duduk di atas punggung, sementara kaki kiri dijulurkan bawah kaki kanan, dan kaki kanan ditegakkan.
11. Mengisyaratkan jari telunjuk semasa tasyahud, daripada awal sehingga habis bacaan tasyahud; dan menggerakkannya ketika berdoa.
12. Membaca selawat dan doa keberkatan buat Nabi, keluarga Nabi, Nabi Ibrahim dan keluarga Nabi Ibrahim ketika Tasyahud Awal.
13. Berdoa selepas Tasyahud Akhir.

14. Membaca al-Quran dengan suara lantang dalam solat Subuh, Jumaat, solat sunat raya, dan solat sunat minta hujan (istisqā'), dan pada dua rakaat pertama solat Maghrib dan Isyak.

15. Membaca al-Quran dengan suara perlahan dalam solat Zuhur, Asar, rakaat ketiga Maghrib, dan dua rakaat terakhir Isyak.

16. Membaca ayat-ayat tambahan selain daripada surah al-Fatihah, dengan mematuhi amalan-amalan sunat lain dalam solat yang tidak disebutkan di sini. Antaranya: menambah bacaan “Rabbana wa lakal ḥamd” setelah rukuk untuk imam, makmum, dan orang yang solat bersendirian, serta meletakkan tangan di atas lutut dengan jari yang diregangkan ketika rukuk.

Pelajaran Kesebelas: Perkara yang Membatalkan Solat

Solat terbatal dengan salah satu dari lapan perkara berikut:

1. Berbicara dalam keadaan sedar dan mengetahui larangan tersebut. Jika dia terlupa atau tidak tahu, maka tidak terbatal.
2. Ketawa.
3. Makan.
4. Minum.
5. Terbuka aurat.
6. Berpaling jauh dari arah kiblat.
7. Pergerakan banyak yang tidak perlu secara berturut-turut.
8. Turun hadas (terbatalnya wuduk, dsb).

Pelajaran Kedua Belas: Syarat-Syarat Sah Wuduk

Terdapat sepuluh syarat sah wuduk:

Islam,

Berakal,

Mumayyiz,

Niat,

Tidak memutuskan niat hingga selesai wuduk,

Terhentinya perkara yang membatalkan wuduk,

Istinjak sebelum wuduk,

Menggunakan air yang suci dan halal,

Menghilangkan penghalang air sampai ke kulit,

Masuknya waktu solat bagi orang yang sentiasa berhadass (tidak lawas, istihadah).

Pelajaran Ketiga Belas: Rukun-rukun Wuduk

Terdapat enam rukun wuduk:

Membasuh muka; termasuk berkumur dan memasukkan air ke hidung,

Membasuh tangan hingga ke siku,

Mengusap basah seluruh kepala; termasuk telinga,

Membasuh kaki hingga buku lali,

Tertib mengikut urutan,

Muwalat (berturut-turut).

Semua anggota yang dibasuh sunat dilakukan tiga kali, iaitu muka, tangan, kaki, berkumur dan membasuh hidung. Mengusap basah kepala tidak sunat diulang, berdasarkan hadis-hadis yang sahih.

Pelajaran Keempat Belas: Perkara yang Membatalkan Wuduk

Terdapat enam perkara yang menyebabkan wuduk terbatal, iaitu:

Keluar sesuatu daripada kemaluan; iaitu qubul atau dubur,

Keluar najis yang banyak daripada badan,

Hilang akal, sama ada dengan tidur atau selainnya,

Memegang kemaluan tanpa lapik,

Makan daging unta,

Murtad – semoga Allah lindungi kita dan kaum Muslimin daripadanya.

Nota penting: Memandikan mayat tidak membatalkan wuduk menurut pendapat yang benar, ia adalah pegangan majoriti ulama. Kerana tiada dalil yang menunjukkan perkara ini. Tetapi sekiranya tukang mandi mayat tersentuh kemaluan si mati tanpa lapik, maka terbatal jua wuduknya.

Tetapi yang sewajibnya, tukang mandi tidak menyentuh kemaluan si mati melainkan dengan berlapik.

Demikian juga, menyentuh wanita tidak membatalkan wuduk secara mutlak, baik bersyahwat mahupun tanpa syahwat. Inilah pendapat ulama yang paling tepat. Ini selagi mana tidak keluar mazi. Dalilnya, Nabi SAW pernah mengucup isterinya, kemudian bersolat tanpa berwuduk semula.

Berkenaan dengan firman Allah dalam Surah al-Nisā' dan Surah al-Mā'idah,

﴿... أَوْ لَمَسْتُمُ النِّسَاءَ...﴾ [النساء: ٤٣]

*"Atau kalian saling menyentuh isteri,"*¹ [Surah al-Nisā': 43] [Surah al-Mā'idah: 6] maksudnya adalah jimak. Ini adalah tafsiran ulama yang paling tepat, ia merupakan pandangan Ibn 'Abbās RA, dan sekumpulan besar ulama Salaf dan Khalaf. Allah jua yang membimbing kita.

¹ Surah al-Nisā': 43

Pelajaran Kelima Belas: Berhias Dengan Akhlak Yang Dituntut Bagi Setiap Orang Islam

Jujur,
Amanah,
Menjaga maruah,
Bersikap malu,
Bersikap berani,
Bersikap pemurah,
Menyucikan diri daripada perkara haram,
Berjiran dengan baik,
Membantu orang yang memerlukan semampunya,
dan lain-lain akhlak yang diajarkan melalui al-Quran dan al-Sunnah.

Pelajaran Keenam Belas: Beradab Dengan Tingkah Laku Islami

Antara tingkah laku yang diajarkan Islam:

Memberi salam,

Bermanis wajah,

Makan dan minum dengan tangan kanan,

Menyebut nama Allah ketika mahu makan atau minum,

Memuji Allah seusai makan atau minum,

Memuji Allah apabila bersin,

Mendoakan orang yang memuji Allah apabila bersin,

Menziarahi orang sakit,

Mengiringi dan menyertai solat jenazah serta pengebumian,

Melaksanakan adab-adab ketika keluar masuk Masjid atau rumah,

Melaksanakan adab-adab ketika bermusafir,

Melaksanakan adab-adab dengan ibu bapa, saudara-mara, jiran tetangga, warga emas, kanak-kanak,

Mengucapkan tahniah apabila seseorang dikurniakan cahaya mata,

Mendoakan keberkatan apabila seseorang berkahwin,

Menabahkan seseorang yang ditimpa musibah,

dan lain-lain tingkah laku adab Islam ketika memakai pakaian, menanggalkan pakaian dan menyarung kasut.

Pelajaran Ketujuh Belas: Peringatan Berkenaan Syirik dan Jenis-Jenis Maksiat

Sebahagian maksiat adalah dosa-dosa besar; antara tujuh pemusnah:

1. Syirik kepada Allah,
2. Sihir.
3. Membunuh jiwa yang diharamkan Allah kecuali dengan hak.
4. Memakan riba.
5. Menyalah guna harta anak yatim.
6. Lari dari medan perang.
7. Menuduh zina wanita-wanita yang suci dan beriman.

Selain ini, termasuk juga:

8. Derhaka kepada orang tua.
 9. Memutus tali silaturahmi.
 10. Memberi kesaksian palsu.
 11. Bersumpah palsu.
 12. Menyakiti jiran tetangga.
 13. Menzalimi orang lain dalam urusan darah, harta, dan kehormatan.
 14. Meminum minuman yang memabukkan.
 15. Berjudi.
 16. Mengumpat.
 17. Mengadu domba.
- dan lain-lain maksiat yang Allah dan Rasul-Nya larang.

Pelajaran Kelapan Belas: Pengurusan Jenazah

Perinciannya adalah seperti berikut:

Pertama sekali: Mengajarkan tauhid ketika nazak.

Disyariatkan ketika seseorang sedang nazak, kita mengajarkannya kalimah tawhīd ‘Lā ilaha Illallah,’ “tiada yang berhak disembah selain Allah.” Dalilnya, sabda Nabi SAW, , “Ajarkanlah kepada orang-orang sedang mati dalam kalangan kamu Lā ilaha Illallah.”¹ [Riwayat Muslim] Yang dimaksudkan orang sedang mati dalam hadis ini adalah orang-orang yang berada di ambang kematian, yang tampak tanda-tanda penghujung nyawanya.

Kedua: Apabila dipastikan si mati telah pun meninggalkan dunia, maka dipejamkan matanya, diikat janggutnya;

berdasarkan hadis yang menyatakan hal ini.

Ketiga: Wajib memandikan mayat sekiranya mayat bukan syahid di medan perang.

Orang yang syahid di medan perang tidak perlu dimandikan dan disolatkan, bahkan dikebumikan terus dengan pakaian syahidnya. Kerana Nabi SAW tidak pernah memandikan dan solat jenazah bagi para syahid di medan perang.

Keempat: Tatacara Mandi Jenazah.

Ditutup aurat si mati, kemudian diangkat sedikit dan ditekan perutnya secara lembut. Kemudian, tukang mandi membalut tangannya dengan kain atau sejenisnya untuk membersihkan kotoran yang keluar dari tubuh si mati. Setelah itu, jenazah diwudukkan seperti wuduk untuk

¹ Ṣaḥīḥ Muslim, no. 916, Jāmi‘ al-Tirmidhī, no. 976, Sunan al-Nasā‘ī, no. 1826, Sunan Abū Dāwud, no. 3117, Sunan Ibn Mājah, no. 1445, dan Musnad Aḥmad, 3/3.

solat, kemudian dibasuh kepala dan janggutnya dengan air yang dicampur daun bidara atau bahan seumpamanya.

Seterusnya, dibasuh bahagian kanan tubuhnya, diikuti bahagian kiri. Ini dilakukan sebanyak satu kali, kemudian diulangi dua kali, menjadikan tiga kali. Setiap kali, tangan tukang mandi akan disapukan pada perut si mati. Jika ada sesuatu yang keluar dari tubuhnya, maka ia dibersihkan dan tempat keluarnya disumbat dengan kapas atau seumpamanya. Jika tidak mampu menahannya, digunakan tanah liat yang bersih atau dengan kaedah perubatan moden seperti pelekat atau seumpamanya.

Selepas itu, wuduk diulangi lagi. Jika dengan tiga kali basuhan belum bersih, maka ditambah menjadi lima kali atau tujuh kali. Kemudian jenazah dikeringkan dengan kain. Wangian diletakkan di bahagian lipatan tubuh dan tempat sujudnya. Jika seluruh tubuhnya dilumuri dengan wangian, itu lebih baik. Kain kafan juga dibalutkan dengan asap gaharu. Jika si mati mempunyai misai atau kuku yang panjang, ia dipotong, tetapi jika dibiarkan, tidak mengapa. Rambut jenazah tidak disikat, auratnya tidak dicukur, dan ia juga tidak dikhitan kerana tiada dalil yang menyuruh berbuat demikian. Bagi jenazah perempuan, rambutnya dijalin menjadi tiga keping dan diletakkan ke belakang.

Kelima: Tatacara Mengkafankan Jenazah

Yang terbaik, dikafankan jenazah lelaki dalam tiga helai kain putih tanpa ada baju atau serban, sebagaimana yang dilakukan kepada Nabi SAW. Jenazah dililit dengan kain tersebut. Jika jenazah dikafankan dengan baju, kain sarung, dan satu lagi kain pembalut, itu juga dibolehkan.

Bagi jenazah perempuan, disunatkan dikafankan dengan lima helai kain: baju, tudung, kain sarung, dan dua helai kain pembalut. Jenazah anak lelaki boleh dikafankan dengan satu

hingga tiga helai kain, manakala anak perempuan dikafankan dengan baju dan dua helai kain pembalut.

Yang wajib bagi semua jenazah adalah sekurang-kurangnya sehelai kain yang menutupi seluruh tubuh jenazah. Namun, jika si mati adalah seorang yang sedang dalam keadaan *ihrām* (berniat haji atau umrah), jenazahnya hendaklah dimandikan dengan air dan daun bidara, dan dikafankan dengan kain sarung dan selendangnya atau yang seumpamanya. Kepala dan wajahnya tidak ditutupi, dan tidak diberi wangian kerana pada hari kiamat dia akan dibangkitkan dalam keadaan bertalbiah, sebagaimana disebutkan dalam hadis Nabi SAW.

Jika si mati adalah perempuan yang sedang dalam keadaan *ihrām*, dia dikafankan seperti jenazah perempuan yang lain, tetapi tidak diberi wangian, dan wajahnya tidak ditutup dengan niqab, begitu juga dengan tangannya tidak ditutupi dengan sarung tangan. Namun, wajah dan tangannya akan ditutup dengan kain kafan yang membalut tubuhnya, sebagaimana telah dijelaskan dalam tatacara mengkafankan jenazah perempuan.

Keenam: Yang Paling Berhak Memandikan dan Mengimamkan Solat Jenazah

Orang yang paling berhak memandikan, mengimamkan solat, dan mengebumikan jenazah adalah orang yang telah diwasiatkan oleh si mati untuk melakukannya. Jika tiada wasiat, maka giliran berikutnya adalah ayahnya, kemudian datuknya, dan seterusnya orang yang paling dekat dari kalangan ahli waris lelaki (seperti saudara lelaki, anak lelaki, dan sebagainya).

Bagi jenazah perempuan, yang paling berhak memandikannya adalah orang yang telah diwasiatkan olehnya. Jika tiada, maka ibunya, kemudian neneknya, dan seterusnya ahli keluarga perempuan terdekat.

Suami dan isteri juga boleh memandikan jenazah pasangannya, kerana Sayyidina Abu Bakr RA dimandikan oleh isterinya, dan Sayyidina Ali RA memandikan isterinya, Fatimah RA.

Ketujuh: Tatacara Solat Jenazah

Dalam solat jenazah, dilakukan empat kali takbir. Setelah takbir pertama, dibacakan surah al-Fatihah. Jika disertakan dengan surah pendek atau satu atau dua ayat, itu lebih baik, berdasarkan hadis sahih daripada Ibnu Abbas RA.

Kemudian, takbir kedua diikuti dengan selawat kepada Nabi SAW, seperti bacaan dalam tasyahud. Setelah itu, takbir ketiga, lalu dibacakan doa seperti: "Allāhumma ighfir li-ḥayyinā wa mayyitinā, wa shāhidinā wa ghā'ibinā, wa ṣaghīrinā wa kabīrinā, wa dhakarinā wa unthānā. Allāhumma man aḥyaytahu minnā fa-aḥyihī 'ala al-Islām, wa man tawaffaytahu minnā fa-tawaffahu 'ala al-Īmān. Allāhumma ighfir lahu, warḥamhu, wa 'āfihī, wa'fu 'anhu, wa akrim nuzulahu, wa wassi' mudkhalahu, waghhsilhu bil-mā'i wath-thalji wal-barad, wa naqqihi minal-khaṭāyā kamā yunaqqa ath-thawbu al-abyaḍ min ad-danas. Wa abdilhu dāran khayran min dārihi, wa ahlan khayran min ahlihi, wa adkhillhu al-jannata, wa a'idhhu min 'adhāb al-qabri wa 'adhāb an-nār, wafsah lahu fī qabrihi, wa nawwir lahu fihi. Allāhumma lā taḥrimnā ajrahu wa lā tuḍillanā ba'dahu."

Maksudnya: Ya Allah, ampunilah orang yang masih hidup di kalangan kami, juga yang telah mati, yang hadir atau yang tidak hadir, yang kecil atau yang besar, yang lelaki atau yang perempuan. Ya Allah, sesiapa yang Engkau panjangkan usianya dari kalangan kami, maka hidupkanlah dia dalam keadaan beragama Islam, dan sesiapa yang Engkau wafatkan dari kalangan kami, maka wafatkanlah dia dalam keadaan beriman. Ya Allah, ampunilah dia, rahmatilah dia, selamatkanlah dia, maafkanlah kesalahannya,

muliakan tempat kembalinya, lapangkan kuburnya, basuhlah dia dengan air, salju, dan embun, bersihkanlah dia dari dosa-dosanya sebagaimana pakaian putih dibersihkan dari kotoran. Gantikanlah untuknya rumah yang lebih baik daripada rumahnya, keluarga yang lebih baik daripada keluarganya, dan masukkanlah dia ke dalam syurga. Lindungilah dia daripada azab kubur dan azab neraka. Luaskanlah kuburnya dan berikanlah cahaya di dalamnya. Ya Allah, janganlah Engkau haramkan kami daripada pahalanya dan janganlah Engkau sesatkan kami setelah kepergiannya. Kemudian, setelah takbir keempat, salam diucapkan sekali ke arah kanan.

Disunatkan untuk mengangkat tangan pada setiap takbir. Jika jenazah adalah perempuan, doa disesuaikan menjadi: “Allahummagh fir-LAHA...” Jika terdapat dua jenazah, doa diucapkan: “Allahummaghfir LAHUMĀ...” dan jika lebih dari itu, diucapkan: “Allahummaghfir LAHUM...”

Jika jenazah tersebut adalah anak kecil (belum baligh), maka dalam doa tidak disebutkan permohonan ampunan, tetapi dibaca doa: “Allāhumma aj’alhu farṭan wa dhukhra li-wālidayhi, wa shafī’an mujāban. Allāhumma thaqqil bihī mawāzīnahumā, wa a’zīm bihī ujūrahumā, wa alḥiqhu bi-ṣāliḥ salafil-mu’minīn, waj’alhu fi kafālati Ibrāhīm, wa qihi bi-raḥmatika ‘adhābal-jaḥīm.”

Maksudnya: Ya Allah, jadikanlah dia sebagai pendahulu (pemberi syafaat) dan pahala simpanan bagi kedua ibu bapanya, jadikanlah dia sebagai pemberi syafaat yang diterima. Ya Allah, beratkanlah timbangan kebaikan kedua ibu bapanya, besarkanlah pahala mereka, dan gabungkanlah dia dengan orang-orang soleh dari kalangan orang-orang yang beriman. Jadikanlah dia dalam penjagaan Ibrahim AS, dan lindungilah dia dengan rahmat-Mu daripada azab neraka jahanam.

Tatacara Posisi dalam Solat Jenazah

Sunnahnya, imam berdiri di hadapan kepala jenazah lelaki dan di hadapan pertengahan tubuh jenazah perempuan. Jika terdapat beberapa jenazah sekaligus, jenazah lelaki diletakkan lebih dekat kepada imam, diikuti oleh jenazah perempuan yang lebih dekat ke arah kiblat. Jika terdapat anak kecil, jenazah lelaki kecil diletakkan lebih dekat kepada imam, diikuti perempuan kecil. Posisi kepala anak lelaki sejajar dengan kepala lelaki dewasa, dan pertengahan tubuh perempuan sejajar dengan kepala lelaki dewasa. Semua makmum berdiri di belakang imam, kecuali jika terdapat seorang sahaja yang tidak menemukan tempat di belakang imam, dia boleh berdiri di sebelah kanan imam.

Kelapan: Tatacara Pengebumian Jenazah

Disyariatkan untuk menggali kubur sedalam separuh tubuh manusia, dan disediakan ruang lahad (ceruk dalam kubur yang menghadap kiblat). Mayat diletakkan di dalam lahad di atas sisi kanannya, dan ikatan kain kafannya dilonggarkan tetapi tidak ditanggalkan. Wajahnya tidak dibuka, sama ada jenazah itu lelaki atau perempuan. Kemudian, jenazah ditutup dengan batu bata (labin) dan ditutupi dengan tanah liat supaya tetap dan terlindung dari tanah. Jika tidak ada batu bata, boleh menggunakan papan, batu, atau kayu untuk melindungi jenazah daripada tanah. Setelah itu, tanah ditaburkan ke atas kubur.

Disunatkan ketika menaburkan tanah untuk mengucapkan: Bismillāh wa 'alā millati Rasūlillāh (Dengan nama Allah, dan di atas agama Rasulullah). Kubur dinaikkan setinggi satu jengkal, dan jika boleh, ditaburi batu kerikil serta disiram dengan air.

Disunatkan juga bagi para pengiring jenazah untuk berdiri di sisi kubur dan mendoakan jenazah, kerana Nabi SAW apabila selesai mengebumikan jenazah, baginda berdiri di sisi kubur

dan berkata: "Mohonkanlah ampunan untuk saudara kamu, dan mintalah kepada Allah agar dia diberi keteguhan, kerana sekarang dia sedang disoal."¹

Kesembilan: Dbolehkan bagi sesiapa yang belum sempat solat jenazah sebelum pengebumian untuk menunaikan solat jenazah di atas kubur dalam tempoh sebulan atau kurang,

berdasarkan amalan Nabi SAW. Namun, jika lebih dari sebulan, tidak disyariatkan solat di atas kubur kerana tidak pernah diriwayatkan Nabi SAW menunaikan solat jenazah di atas kubur setelah sebulan.

Kesepuluh: Tidak dibenarkan bagi keluarga si mati untuk menyediakan makanan bagi orang ramai setelah pengebumian.

Dalilnya adalah perkataan sahabat yang mulia, Jarīr bin Abdullah al-Bajali RA: "Kami menganggap berkumpul di rumah keluarga si mati dan penyediaan makanan setelah pengebumian sebagai sebahagian daripada perbuatan meratapi kematian." [Riwayat Aḥmad dengan sanad ḥasan] Namun, tidak mengapa jika keluarga menyediakan makanan untuk mereka sendiri atau tetamu yang datang. Disyariatkan juga bagi saudara-mara dan jiran tetangga untuk menyediakan makanan kepada keluarga si mati, kerana Nabi SAW ketika menerima berita kematian Jaafar bin Abi Talib RA, baginda memerintahkan keluarganya untuk menyediakan makanan

¹ Sunan Abū Dāwud, no. 3221.

bagi keluarga Jaafar, dengan berkata: "Sesungguhnya telah datang kepada mereka perkara yang menyibukkan mereka."¹

Tidak menjadi kesalahan juga jika keluarga si mati menjemput jiran tetangga atau orang lain untuk makan makanan yang dihadiahkan kepada mereka, dan hal ini tidak mempunyai batasan waktu tertentu berdasarkan syariat yang kita ketahui.

Kesebelas: Tidak Dibolehkan Bagi Wanita Berkabung Lebih dari Tiga Hari Kecuali untuk Suaminya atau Ketika Sedang Hamil

Tidak dibolehkan bagi seorang wanita untuk berkabung atas kematian seseorang lebih dari tiga hari, kecuali bagi suaminya. Maka, wajib bagi wanita untuk berkabung selama empat bulan sepuluh hari untuk suaminya, kecuali jika dia sedang hamil, maka tempoh iddahnya adalah sehingga dia melahirkan, sesuai dengan sunnah yang sahih daripada Nabi SAW.

Bagi lelaki pula, tidak dibolehkan berkabung atas kematian ahli keluarga atau orang lain.

Kedua Belas: Disyariatkan Bagi Lelaki untuk Ziarah Kubur dari Masa ke Masa Untuk Mendoakan Kebaikan Dan Kerahmatan Serta Mengingati Kematian

Ziarah kubur disyariatkan bagi lelaki dari semasa ke semasa untuk mendoakan mereka, memohon rahmat, dan mengambil iktibar tentang kematian dan kehidupan setelahnya. Nabi SAW bersabda: "Ziarahilah kubur, kerana ia mengingatkan kalian kepada akhirat."² [Riwayat Muslim] Nabi SAW juga mengajarkan kepada

¹ Jāmi‘ al-Tirmidhī, no. 998, Sunan Abū Dāwud, no. 3132, dan Sunan Ibn Mājah, no. 1610.

² Ṣaḥīḥ Muslim, no. 976, Sunan al-Nasā’ī, no. 2034, Sunan Abū Dāwud, no. 3234, Sunan Ibn Mājah, no. 1569, dan Musnad Aḥmad, 2/441.

para sahabat untuk mengucapkan doa ini ketika menziarahi kubur: Nabi SAW juga mengajarkan kepada para sahabat untuk mengucapkan doa ini ketika menziarahi kubur:

"Assalāmu ‘alaykum ahla-d-diyāri min al-mu’minīna wal-muslimīn, wa innā in shā’allāhu bikum lāḥiqūn, nas’alullāha lanā walakumu-l-‘āfiyah, yarḥamu-llāhu-l-mutaqaddimīna minnā wal-musta’khirīn."¹

Maksudnya: Salam sejahtera atas kamu wahai penghuni-penghuni perkampungan ini daripada kalangan orang-orang beriman dan muslimin. Dan kami, insya Allah, akan menyusul kalian. Kami memohon kepada Allah keselamatan untuk kami dan kalian. Semoga Allah merahmati mereka yang telah mendahului kami dan yang datang kemudian. Bagi kaum wanita, mereka tidak disyariatkan untuk menziarahi kubur kerana Rasulullah SAW melaknat wanita yang menziarahi kubur. Ziarah mereka dikhuatiri menimbulkan fitnah dan kurang sabar. Demikian juga, tidak dibenarkan bagi wanita untuk mengiringi jenazah ke perkuburan, kerana Rasulullah SAW melarang mereka daripada melakukannya.

Ini adalah akhir daripada apa yang dapat dikumpulkan.

Selawat dan salam dipanjatkan kepada Nabi kita Muhammad, kaum kerabat baginda dan sahabat handai baginda.

¹ Ṣaḥīḥ Muslim, no. 975, Sunan al-Nasā’ī, no. 2040, Sunan Ibn Mājah, no. 1547, dan Musnad Aḥmad, 3/353.

Pengantar	4
Dengan nama Allah, Maha Pengasih, Maha Mengasihani	4
Pelajaran Pertama: Surah al-Fātiḥah dan Surah-Surah Pendek	5
Pelajaran Kedua: Rukun Islam	5
Pelajaran Ketiga: Rukun Iman	7
Pelajaran Keempat: Bahagian Tawḥīd dan Jenis Syirik	8
Pelajaran Kelima: Iḥsān	12
Pelajaran Keenam: Syarat-Syarat Sah Solat	13
Pelajaran Ketujuh: Rukun-rukun Solat.....	13
Pelajaran Kelapan: Amalan Wajib Dalam Solat.....	14
Pelajaran Kesembilan: Tasyahud	15
Pelajaran Kesepuluh: Amalan Sunat Dalam Solat.....	17
Pelajaran Kesebelas: Perkara yang Membatalkan Solat	18
Pelajaran Kedua Belas: Syarat-Syarat Sah Wuduk.....	19
Pelajaran Ketiga Belas: Rukun-rukun Wuduk.....	19
Pelajaran Keempat Belas: Perkara yang Membatalkan Wuduk	20
Pelajaran Kelima Belas: Berhias Dengan Akhlak Yang Dituntut Bagi Setiap Orang Islam.....	21
Pelajaran Keenam Belas: Beradab Dengan Tingkah Laku Islami	22
Pelajaran Ketujuh Belas: Peringatan Berkenaan Syirik dan Jenis-Jenis Maksiat.....	23
Pelajaran Kelapan Belas: Pengurusan Jenazah	24

Pertama sekali: Mengajarkan tauhid ketika nazak.....	24
Kedua: Apabila dipastikan si mati telah pun meninggal dunia, maka dipejamkan matanya, diikat janggutnya;	24
Ketiga: Wajib memandikan mayat sekiranya mayat bukan syahid di medan perang.....	24
Keempat: Tatacara Mandi Jenazah.....	24
Kelima: Tatacara Mengkafankan Jenazah	25
Keenam: Yang Paling Berhak Memandikan dan Mengimamkan Solat Jenazah.....	26
Ketujuh: Tatacara Solat Jenazah.....	27
Kelapan: Tatacara Pengebumian Jenazah.....	29
Kesembilan: Dibolehkan bagi sesiapa yang belum sempat solat jenazah sebelum pengebumian untuk menunaikan solat jenazah di atas kubur dalam tempoh sebulan atau kurang.....	30
Kesepuluh: Tidak dibenarkan bagi keluarga si mati untuk menyediakan makanan bagi orang ramai setelah pengebumian.	30
Kesebelas: Tidak Dibolehkan Bagi Wanita Berkabung Lebih dari Tiga Hari Kecuali untuk Suaminya atau Ketika Sedang Hamil	31
Kedua Belas: Disyariatkan Bagi Lelaki untuk Ziarah Kubur dari Masa ke Masa Untuk Mendoakan Kebaikan Dan Kerahmatan Serta Mengingati Kematian	31

حرمين



رئاسة الشؤون الدينية
بالمسجد الحرام والمسجد النبوي

